

'Saya tidak lihat individu lakukan semburan'

Oleh HERMAN HAMID

KOTA BHARU 6 Mei - Tun Dr. Mahathir Mohamad memberitahu Mahkamah Majistret di sini hari ini bahawa beliau tidak melihat individu yang melakukan semburan hingga membuatnya sukar bernafas dan pedih tekak dalam kejadian di Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, Pengkalan Chepa pada 28 Julai tahun lalu.

Bekas Perdana Menteri itu yang mengambil giliran sebagai saksi pendakwaan pagi ini berkata, beliau dimaklumkan kemudian oleh pengawal peribadinya, Deputy Supritendan Mazli Mazlan bahawa individu yang melakukan perbuatan tersebut ialah tertuduh, Datuk Nik Sapeia Nik Yusof, 53.

Menurutnya, pada masa kejadian, terlintas dalam fikirannya mungkin semburan itu adalah gas pemedih mata yang dilepaskan polis bertujuan mengawal orang ramai berikutan keadaan sedikit kelim-kabut sejurus sebelum beliau menaiki kenderaan Pajero untuk berucap di pekarangan lapangan terbang itu.

Bagaimanapun, beliau hairan mengapa semburan yang bertujuan mengawal orang ramai turut mengenainya.

"Selepas saya sukar bernafas dan pedih kerongkong, saya tahu yang saya telah ditarik keluar dari Pajero tersebut dan dibawa naik ke sebuah kenderaan lagi. Ada sama dalam kereta itu ialah Dr. Nasir (Datuk Dr. Mohd. Nasir Muda), doktor peribadi saya.

"Kereta itu kemudian bergerak ke hotel (Renaissance). Sebaik tiba di hotel kira-kira 15 minit kemudian, kesan semburan mula hilang dan waktu itulah saya dimaklumkan oleh Mazli yang Nik Sapeia lakukan semburan," katanya

sewaktu disoal oleh Timbalan Pendakwa Raya, Raja Rozela Raja Toran.

Sebelum tiba di mahkamah pagi ini, Dr. Mahathir diberi kawalan ketat oleh polis sebaik tiba di lapangan terbang kira-kira pukul 9 pagi. Malah, kenderaan yang disediakan untuknya menunggu di kawasan landasan lapangan terbang dan kemudian terus membawa beliau ke mahkamah.

Bekas Perdana Menteri itu tiba di pekarangan Kompleks Mahkamah Kota Bharu kira-kira pukul 9.30 pagi sambil ditemani bekas Ahli Parlimen Pasir Mas, Datuk Ibrahim Ali yang sebelumnya menyambut ketibaan beliau di lapangan terbang.

Dr. Mahathir yang memakai kot gaya Nehru kemudian dipanggil memberi keterangan pada pukul 11 pagi. Beliau kelihatan tenang dan bersahaja ketika disoal oleh pihak pendakwa dan peguam bela.

Sepanjang gilirannya memberi keterangan selama hampir satu jam 15 minit, Dr. Mahathir sempat berseloroh apabila ditanya jurubahasa mengenai pekerjaannya sekarang.

Beliau menjawab: "Orang pencen."

Jawapan itu disambut dengan ketawa kecil orang ramai yang memenuhi galeri awam mahkamah tersebut.

Ketika diminta mengecam tertuduh, Dr. Mahathir juga hanya senyum bersahaja sambil menunjukkan jari ke arah kandang tertuduh tempat Nik Sapeia berada.

Nik Sapeia, seorang ahli perniagaan, didakwa menyebabkan kecederaan ke atas empat lelaki termasuk Dr. Mahathir secara menyembur bahan berbahaya.

Ahli perniagaan perikanan laut dalam itu mengaku tidak bersalah atas tuduhan tersebut yang dibuat mengikut Seksyen 324 Kanun

UM - 7/5/2007

Keseksaan. Jika sabit kesalahan, tertuduh boleh dihukum penjara maksimum tiga tahun dan denda.

Ketika menjawab soalan pemeriksaan balas oleh peguam Zainal Abidin Mustaffa sama ada beliau dimaklumkan bahawa orang yang melakukan semburan itu adalah Nik Sapeia sejurus selepas menaiki kereta yang membawanya ke hotel, Dr. Mahathir berkata: "Tak pasti kerana sebaik saya ditarik naik ke kereta tersebut, ada orang berikan saya tuala basah. Pada masa itu saya tidak fikir apa (yang) dah berlaku melainkan berusaha hendak meredakan pedih kerongkong saya.

"Rasa pedih saya reda sedikit kira-kira 15 minit kemudian iaitu ketika tiba di hotel. Apabila tiba di hotel itulah, saya dimaklumkan oleh Mazli yang Nik Sapeia lakukannya."


Menurut Dr. Mahathir, sebelum kejadian iaitu ketika beliau berada tidak berapa jauh dari kenderaan Pajero itu, beliau melihat seorang pemuda berbadan gempal dan berjaket hitam cuba menghalang perjalanannya ke Pajero tersebut.

Kata beliau, pemuda itu sebaliknya cuba membawanya ke arah lain dan ketika itulah timbul keadaan sedikit kelim-kabut.

"Namun, pada saya ia perkara biasa kerana memang saya selalu berhadapan dengan sambutan orang ramai dan lagi pun keadaan terkawal kerana saya tetap dapat masuk ke Pajero seperti yang ditetapkan.

"Selepas masuk ke Pajero berkenaan, dan sebaik saya cuba pegang pembesar suara untuk berucap, ketika itulah saya rasa sukar bernafas, pedih kerongkong dan tidak ada suara," ujarnya.

Terdahulu, Dr. Mahathir memberitahu, beberapa hari sebelum beliau ke Kota Bharu pada



DR. MAHATHIR Mohamad keluar dari Mahkamah Majistret Kota Bharu, Kelantan, semalam. - Gambar ROSNI MASRI

28 Julai tahun lalu, tertuduh secara peribadi ada menghubunginya dan menawarkan kepadaanya kenderaan untuk digunakan.

Ketika ditanya oleh Zainal Abidin, Dr. Mahathir memaklumkan bahawa beliau mengenali tertuduh sejak 20 tahun lalu dan hubungan mereka lebih sebagai kawan.

Apabila ditanya adakah beliau mempunyai

sebarang perselisihan faham sepanjang mengenali tertuduh, beliau berkata: "Tidak ada."

Perbicaraan di hadapan Majistret Azman Mustapha bersambung esok selepas sesi hari ini berakhir pada sebelah petang dengan keterangan anggota polis, Lans Koperal Mohd. Sopian Husin, Mohd. Sopian bertugas sebagai penjaga stor di Ibu Pejabat Polis Kota Bharu.